

22) KESELAMATAN TAMAN PERUMAHAN DAN FLAT KOS RENDAH

Adun : Y.B. Tuan Yew Jia Haur (Teratai)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu penduduk flat kos rendah atau taman perumahan lama di Selangor untuk membentuk komuniti keselamatan, termasuk pemasangan pagar keselamatan, CCTV dan sistem akses terkawal?**

Kerajaan Negeri Selangor terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu penduduk di kawasan flat kos rendah dan taman perumahan lama dalam membentuk komuniti yang lebih selamat, harmoni dan berdaya huni. Antara usaha utama yang telah dilaksanakan adalah termasuk:

1. Program Kawalan dan Keselamatan Kediaman Berstrata atau The Aid Scheme for Strata Residential's Security and Safety (ASSESS).

Program ini dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan perumahan berstrata, terutamanya kediaman kos rendah. Melalui program ASSESS, JMB dan MC boleh memohon bantuan pemasangan seperti:

- i. Sistem kamera litar tertutup (CCTV);
- ii. Palang keluar masuk automatik (Barrier Gate);
- iii. Perangkap nyamuk elektrik;
- iv. Serta kemudahan lain berkaitan keselamatan dan kebersihan kawasan perumahan.

Inisiatif ini bukan sahaja mengurangkan kadar jenayah dan risiko kesihatan awam, malah memperkukuh penglibatan komuniti dalam menguruskan kawasan kediaman mereka secara bersama.

2. Program Visualise Education for Strata Community (VESCO).

VESCO ialah program pendidikan komuniti strata yang memberi tumpuan kepada kesedaran, pengupayaan dan tanggungjawab bersama dalam aspek pengurusan strata. Melalui bengkel, taklimat dan aktiviti berbentuk visual, penduduk diberi pendedahan mengenai:

- i. Peranan mereka dalam pengurusan bangunan berstrata;
- ii. Kepentingan membayar yuran penyelenggaraan;
- iii. Prinsip hidup berjiran dan menjaga fasiliti bersama.

VESCOM juga berfungsi sebagai sokongan kepada pelaksanaan program Rejuvenasi Pangsapuri dan Bandar Berdayahuni, di mana kawasan lapang dan kemudahan awam di sekitar flat akan dibangunkan semula sebagai ruang komuniti seperti taman mini, laluan riadah dan ruang interaksi sosial.

Gabungan kedua-dua program ini ASSESS dan VESCOM mencerminkan pendekatan holistik Kerajaan Negeri Selangor dalam membina komuniti strata yang selamat, berdaya tahan dan inklusif, seiring dengan matlamat pembangunan mampan dan kesejahteraan rakyat.

